



31 Julai 2025  
31 July 2025  
P.U. (A) 239

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI DAN  
KOLEJ UNIVERSITI (PERJALANAN KUASA  
LEMBAGA PENGARAH) 2025

*UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES  
(EXERCISE OF POWERS OF THE BOARD OF DIRECTORS)  
REGULATIONS 2025*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI  
(PERJALANAN KUASA LEMBAGA PENGARAH) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh perenggan 24E(b) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Universiti dan Kolej Universiti (Perjalanan Kuasa Lembaga Pengarah) 2025**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2025.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti” ertinya Bahagian yang bertanggungjawab ke atas kebajikan dan hal ehwal pelajar di Universiti;

“Jawatankuasa Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti” ertinya Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Peraturan Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar di setiap Universiti yang bertanggungjawab melaksanakan urusan pilihan raya Kampus;

“Lembaga” ertinya Lembaga Pengarah Universiti itu yang ditubuhkan mengikut Perlembagaan Universiti itu;

“Majlis Perwakilan Pelajar” ertinya badan tertinggi Persatuan Pelajar yang juga dikenali sebagai Majlis Perwakilan Pelajar atau Kesatuan Mahasiswa Universiti yang dipilih melalui proses pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar oleh pelajar berdaftar secara sepenuh masa di universiti awam.

**Perjalanan kuasa Lembaga**

3. Menurut subperenggan 48(4A) kepada Jadual Pertama Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Lembaga boleh melanjutkan atau mengurangkan tempoh keahlian Majlis Perwakilan Pelajar dan pemegang jawatannya.

**Alasan pelanjutan tempoh keahlian**

4. (1) Lembaga boleh melanjutkan tempoh keahlian Majlis Perwakilan Pelajar dan pemegang jawatannya jika pilihan raya Kampus tidak dapat diadakan disebabkan oleh—

(a) apa-apa proklamasi darurat yang diisytiharkan di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan;

(b) apa-apa langkah yang ditetapkan, dibuat atau diambil di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*]; atau

(c) apa-apa bencana.

(2) Bagi maksud peraturan ini, “bencana” ertinya apa-apa kejadian bencana yang boleh menggugat atau mengancam keselamatan, kesihatan atau ketenteraman Universiti dan termasuklah—

(a) bencana alam termasuk banjir, ribut, taufan, gempa bumi, tsunami, ombak besar atau tanah runtuh;

(b) bencana industri termasuk letupan, kebakaran, pencemaran atau kebocoran bahan berbahaya di kilang, loji atau depot yang memproses, mengeluarkan atau menyimpan bahan berkenaan;

(c) kemalangan yang melibatkan pengangkutan, penyaluran atau pemindahan bahan berbahaya;

- (d) keruntuhan bangunan atau struktur khas di dalam kawasan universiti atau di luar kawasan universiti;
- (e) kemalangan udara;
- (f) pelanggaran atau kegelinciran keretapi atau apa-apa sistem pengangkutan rel;
- (g) kebakaran di dalam kawasan universiti atau di luar kawasan universiti;
- (h) empangan atau takungan air pecah;
- (i) kemalangan kimia, biologi, radiologi atau nuklear yang melibatkan pemasangan atau yang berkaitan dengan kemalangan itu;
- (j) jerebu yang boleh menimbulkan keadaan kecemasan alam sekitar; atau
- (k) apa-apa kejadian bencana lain yang diisytiharkan atau ditetapkan oleh Kerajaan.

### **Tempoh pelanjutan**

5. (1) Lembaga boleh melanjutkan tempoh keahlian Majlis Perwakilan Pelajar dan pemegang jawatannya tidak melebihi satu tahun akademik.

(2) Bagi maksud subperaturan ini, "satu tahun akademik" ertinya satu tahun sesi akademik bagi sesuatu program pengajian yang tarikh permulaan dan tarikh tamatnya ditetapkan oleh Senat Universiti.

### **Tatacara pelanjutan tempoh keahlian**

6. (1) Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti atau Jawatankuasa Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti boleh mencadangkan kepada Lembaga untuk

pelanjutan tempoh keahlian Majlis Perwakilan Pelajar dan pemegang jawatannya berdasarkan alasan di bawah subperaturan 4(1).

(2) Selepas menerima cadangan pelanjutan tempoh keahlian, Lembaga hendaklah memanggil Majlis Perwakilan Pelajar dan pemegang jawatannya untuk memberikan representasi secara lisan atau bertulis sebab-sebab yang boleh dipertimbangkan oleh Lembaga berhubung dengan cadangan pelanjutan tempoh keahlian Majlis Perwakilan Pelajar dan pemegang jawatannya.

(3) Representasi yang dibuat di bawah subperaturan (2) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat Lembaga.

(4) Lembaga, setelah membuat keputusan berkenaan dengan pelanjutan tempoh keahlian Majlis Perwakilan Pelajar dan pemegang jawatannya, hendaklah menyebabkan suatu notis secara bertulis disiarkan kepada pelajar Universiti mengenai pelanjutan tempoh keahlian Majlis Perwakilan Pelajar dan pemegang jawatannya dengan menyatakan alasan pelanjutan tersebut.

#### **Alasan pengurangan tempoh keahlian**

7. Lembaga boleh mengurangkan tempoh keahlian Majlis Perwakilan Pelajar dan pemegang jawatannya atas alasan berikut—

- (a) pilihan raya Kampus tidak dapat diadakan atas alasan yang dinyatakan dalam subperaturan 4(1);
- (b) pematuhan kepada undang-undang yang berkuat kuasa; atau
- (c) untuk menyelaraskan tempoh pelantikan keahlian Majlis Perwakilan Pelajar berdasarkan subperenggan 48(4A) kepada Jadual Pertama Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

**Tatacara pengurangan tempoh keahlian**

8. (1) Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti atau Jawatankuasa Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti boleh mencadangkan kepada Lembaga untuk pengurangan tempoh keahlian Majlis Perwakilan Pelajar dan pemegang jawatannya berdasarkan alasan di bawah peraturan 7.

(2) Selepas menerima cadangan pengurangan tempoh keahlian, Lembaga hendaklah memanggil Majlis Perwakilan Pelajar dan pemegang jawatannya untuk memberikan representasi secara lisan atau bertulis sebab-sebab yang boleh dipertimbangkan oleh Lembaga berhubung dengan cadangan pengurangan tempoh keahlian Majlis Perwakilan Pelajar dan pemegang jawatannya.

(3) Representasi yang dibuat di bawah subperaturan (2) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat Lembaga.

(4) Lembaga, setelah membuat keputusan berkenaan dengan pengurangan tempoh keahlian Majlis Perwakilan Pelajar dan pemegang jawatannya, hendaklah menyebabkan suatu notis secara bertulis disiarkan kepada pelajar Universiti mengenai pengurangan tempoh keahlian Majlis Perwakilan Pelajar dan pemegang jawatannya dengan menyatakan alasan pengurangan tersebut.

**Rayuan**

9. (1) Majlis Perwakilan Pelajar atau pemegang jawatannya boleh membuat rayuan kepada Menteri terhadap keputusan Lembaga berkenaan dengan pelanjutan atau pengurangan tempoh keahlian Majlis Perwakilan Pelajar dan pemegang jawatannya dengan memberikan notis secara bertulis menyatakan alasan rayuannya terhadap keputusan itu.

(2) Majlis Perwakilan Pelajar atau pemegang jawatannya hendaklah mengemukakan suatu notis rayuan dalam dua salinan kepada Lembaga dalam masa empat belas hari dari tarikh keputusan itu disampaikan kepadanya.

**Pengemukakan rayuan kepada Menteri**

10. Lembaga apabila menerima notis rayuan di bawah subperaturan 9(1), hendaklah mengemukakan notis rayuan itu kepada Menteri bersama dengan dokumen yang mengandungi sebab-sebab dan alasan pelanjutan atau pengurangan tempoh keahlian Majlis Perwakilan Pelajar dan pemegang jawatannya.

**Keputusan Menteri**

11. (1) Menteri hendaklah memberikan pertimbangan kepada rayuan berdasarkan notis rayuan dan dokumen yang disebut dalam peraturan 10, dan keputusannya hendaklah disampaikan kepada Majlis Perwakilan Pelajar atau pemegang jawatannya melalui Lembaga.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Menteri boleh, jika difikirkannya adil dan perlu, dan tertakluk kepada hak Majlis Perwakilan Pelajar atau pemegang jawatannya untuk didengar, meminta apa-apa pernyataan atau keterangan lanjut daripada Majlis Perwakilan Pelajar atau pemegang jawatannya, atau mana-mana orang lain.

(3) Keputusan Menteri adalah muktamad.

Dibuat 2 Julai 2025

[KPT.PUU.(S)100-1/21/4 Jld.2 (1); PN(PU2)75/JLD.14]

DATO' SERI DIRAJA DR ZAMBRY BIN ABD KADIR  
*Menteri Pendidikan Tinggi*

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES  
(EXERCISE OF POWERS OF THE BOARD OF DIRECTORS) REGULATIONS 2025

IN exercise of the powers conferred by paragraph 24E(b) of the Universities and University Colleges Act 1971 [Act 30], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Universities and University Colleges (Exercise of Powers of The Board of Directors) Regulations 2025**.

(2) These Regulations come into operation on 1 August 2025.

**Interpretation**

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“Student Affairs Department” means the Department responsible for the welfare and affairs of students at the University;

“University Students’ Representative Council Selection Committee” means the Committee constituted under the Election of Students’ Representative Council Regulation in each University which is responsible of conducting the affairs of Campus election;

“Board” means the Board of Directors of the University constituted in accordance with the Constitution of the University;

“Students’ Representative Council” means the highest body of the Student Association which also be known as the Students’ Representative Council or the University Student Union elected through the selection process of the Students’ Representative Council by registered students on full time basis at public university.

**Exercise of powers of the Board**

3. Pursuant to subparagraph 48(4A) of the First Schedule of the Universities and University Colleges Act 1971, the Board may extend or reduce the period of membership of Students' Representative Council and its office-bearers.

**Grounds for extension of period of membership**

4. (1) The Board may extend the period of membership of Students' Representative Council and its office-bearers if Campus election cannot be held due to—

- (a) any emergency proclamation declared under Article 150 of the Federal Constitution;
- (b) any measures prescribed, made or taken under Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 [Act 342]; or
- (c) any disaster.

(2) For the purposes of this regulation, "disaster" means any event of disaster which may undermine or threaten the safety, health or order of the University and includes—

- (a) natural disaster including flood, storm, typhoon, earthquake, tsunami, huge wave or landslide;
- (b) industrial disaster including explosion, fire, pollution or leakage of hazardous substance at a factory, plant or depot which processes, produces or keeps the substance;
- (c) accident involving transportation, transmission or transfer of hazardous substance;
- (d) collapse of building or special structure within a university area or outside a university area;

- (e) air accident;
- (f) collision or derailment of a train or any rail transport system;
- (g) fire within a university area or outside a university area;
- (h) bursting of dam or reservoir;
- (i) chemical, biological, radiological or nuclear accident involving installation or related to the accident;
- (j) haze which may cause environmental emergency condition; or
- (k) any other event of disaster declared or prescribed by the Government.

**Period of extension**

5. (1) The Board may extend the period of membership of Students' Representative Council and its office-bearers not exceeding one academic year.

(2) For the purpose of this subregulation, "one academic year" means one year of academic session of a study program with its start and end date determined by the University Senate.

**Procedure for extension of period of membership**

6. (1) Student Affairs Department or University Students' Representative Council Selection Committee may propose to the Board for extension of period of membership of Students' Representative Council and its office-bearers based on the grounds under subregulation 4(1).

(2) After receiving the proposal for extension of period of membership, the Board shall call upon the Students' Representative Council and its office-bearers to give verbal or written representation of reasons that may be considered by the Board

in relation to the proposed extension of period of membership of the Students' Representative Council and its office-bearers.

(3) The representation made under subregulation (2) shall be recorded in the Board's minutes of meeting.

(4) The Board, after making a decision in respect of extension of period of membership of Students' Representative Council and its office-bearers, shall cause a written notice to be published to the University students of the extension of period of membership of the Students' Representative Council and its office-bearers stating the grounds of such extension.

#### **Grounds for reduction of period of membership**

7. The Board may reduce the period of membership of Students' Representative Council and its office-bearers based on the following grounds—

- (a) Campus election cannot be held due to the reasons stated in subregulation 4(1);
- (b) compliance with the law in force; or
- (c) to coordinate the period of appointment of period of membership of Students' Representative Council based on subparagraph 48(4A) of the First Schedule of the Universities and University College Act 1971.

#### **Procedure for reduction of period of membership**

8. (1) Student Affairs Department or University Students' Representative Council Selection Committee may propose to the Board for reduction of period of membership of Students' Representative Council and its office-bearers based on the grounds under regulation 7.

(2) After receiving the proposal for reduction of period of membership, the Board shall call upon the Students' Representative Council and its office-bearers

to give verbal or written representation of reasons that may be considered by the Board in relation to the proposed reduction of period of membership of the Students' Representative Council and its office-bearers.

(3) The representation made under subregulation (2) shall be recorded in the Board's minutes of meeting.

(4) The Board, after making a decision in respect of reduction of period of membership of Students' Representative Council and its office-bearers, shall cause a written notice to be published to the University students of the reduction of period of membership of the Students' Representative Council and its office-bearers stating the grounds of such reduction.

### **Appeal**

9. (1) Students' Representative Council or its office-bearers may appeal to the Minister against the Board's decision in respect of the extension or reduction of period of membership of the Students' Representative Council and its office-bearers by giving a written notice stating the grounds of appeal against the decision.

(2) Students' Representative Council or its office-bearers shall submit a notice of appeal in two copies to the Board within fourteen days from the date the decision is served to them.

### **Submission of appeal to the Minister**

10. The Board upon receiving notice of appeal under subregulation 9(1), shall submit the notice of appeal to the Minister together with the document containing reasons and grounds of the extension or reduction of period of membership of the Students' Representative Council and its office-bearers.

### **Decision of the Minister**

11. (1) The Minister shall give consideration to the appeal based on the notice of appeal and the document mentioned under regulation 10, and his decision shall be

communicated to the Students' Representative Council or its office-bearers through the Board.

(2) Notwithstanding subregulation (1), the Minister may, if he thinks just and necessary, and subject to the rights of Students' Representative Council or its office-bearers to be heard, request any further statement or evidence from the Students' Representative Council or its office-bearers, or any other person.

(3) The decision of the Minister shall be final.

Made 2 July 2025

[KPT.PUU.(S)100-1/21/4 Jld.2 (1); PN(PU2)75/JLD.14]

DATO' SERI DIRAJA DR ZAMBRY BIN ABD KADIR  
*Minister of Higher Education*